



**PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG**  
PARAS 22  
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)  
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)  
Faks: 04 - 2619588  
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj. Kami : PTG/PP/AUD/206( 45 )  
Tarikh : 10 Jun 2022

## **SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan / Puan,

### **ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN BIL. 08/2022**

#### **PENGENAAN CUKAI NOMINAL DI BIL CUKAI TANAH / CUKAI PETAK KE ATAS SEBAHAGIAN HAKMILIK YANG TERLIBAT DENGAN EKSES AIS SEMAKAN JUMLAH CUKAI NOMINAL PADA HAKMILIK DI NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Arahan ini bertujuan untuk menasihatkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Negeri Pulau Pinang mengenai pengenaan cukai nominal di bil cukai tanah / cukai petak ke atas sebahagian hakmilik yang terlibat dengan ekksesais semakan jumlah cukai nominal pada hakmilik. Pentadbiran Tanah Negeri Pulau Pinang dalam proses melaksanakan ekksesais semakan semula jumlah cukai tanah di hakmilik bagi jumlah cukai tahunan yang bernilai RM1.00 pada hakmilik. Tindakan pembetulan jumlah cukai daripada RM1.00 kepada jumlah semasa bagi sesuatu hakmilik dilaksanakan di bawah Seksyen 380 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

3. Pihak Berkuasa Negeri dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bilangan 13/2022 pada 20.04.2022 dan disahkan pada 27.04.2022 telah meluluskan Kertas 325/2022 seperti berikut:

**SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB**

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS  
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

- i. Pengecualian daripada mengemukakan permohonan pengurangan cukai oleh pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan eksekusi ini kepada Pejabat Daerah dan Tanah. Syarat ini tertakluk kepada mana-mana tanah yang digunakan bagi tujuan tidak berorientasikan keuntungan seperti di perkara 6 Garispanduan Pengurangan Cukai Tanah (Arahan PTG Bil. 11/2020) dan perkara 1 Garispanduan Pengurangan Cukai petak atau Blok Sementara (Arahan PTG Bil. 07/2020) sahaja,
- ii. Pentadbir Tanah diberikan mandat untuk membuat perubahan jumlah cukai tahunan di bil cukai kepada cukai nominal berdasarkan laporan tanah ke atas lot yang disiasat secara automatik tanpa perlunya pemilik tanah mengemukakan permohonan pengurangan cukai. Namun, Pentadbir-Tentadbir Tanah boleh mendapatkan dokumen-dokumen sokongan daripada pemilik bagi tujuan perekodan sekiranya diperlukan. Senarai lot-lot yang diberikan pengurangan perlulah disimpan di dalam satu lejar seperti di Lampiran A3 oleh Pejabat Daerah dan Tanah,
- iii. Pengurangan cukai tahunan di bil cukai kepada cukai nominal secara automatik tidak akan dibuat kepada pemilik tanah yang tidak tertakluk kepada perkara 6 Garispanduan Pengurangan Cukai Tanah (Arahan PTG Bil. 11/2020) dan perkara 1 Garispanduan Pengurangan Cukai petak atau Blok Sementara (Arahan PTG Bil. 07/2020). Pemilik tanah masih perlu mengemukakan permohonan pengurangan cukai seperti biasa kepada Pejabat Daerah dan Tanah serta kelulusan permohonan tertakluk kepada kelayakan mengikut garispanduan sedia ada yang telah ditetapkan,
- iv. Keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri Pulau Pinang Bilangan 02/2022 pada 20 Januari 2022 berhubung pengecualian fee bayaran diberikan kepada permohonan pengurangan cukai tanah/cukai petak ke atas tujuan permohonan bagi perkara 6 Garispanduan Pengurangan Cukai Tanah (Arahan PTG Bil. 11/2020) dan perkara 1 Garispanduan Pengurangan Cukai petak atau Blok Sementara (Arahan PTG Bil. 07/2020) sahaja ini dibatalkan. Ini kerana terdapat segelintir pemilik yang mengambil kesempatan dengan menyatakan alasan bahawa sesuatu lot digunakan bagi tujuan tidak berorientasikan keuntungan semasa membuat permohonan pengurangan cukai tetapi hasil siasatan

tidak mendapati kegunaan lot tersebut adalah berbeza dan permohonan tersebut terpaksa ditolak. Justeru itu, hal ini menambahkan bebanan kerja kepada kakitangan di Pejabat Daerah dan Tanah untuk memproses permohonan seperti ini; dan

- v. Eksekusi ini akan berlanjutan sehingga semua hakmilik yang terlibat diambil tindakan.

4. Sehubungan itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diminta untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan berkuatkuasa serta merta. Kerjasama daripada pihak tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

e.d Timbalan Pengarah (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Penguatkuasaan Teknikal

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil



## **SENARAI EDARAN**

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara  
13200 Kepala Batas  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah  
Jalan Betek, Sungai Rambai  
14000 Bukit Mertajam  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan  
14200 Sungai Jawi  
Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut  
Tingkat 51, Komtar  
10000 Pulau Pinang

### **Pegawai Daerah**

Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya  
11000 Balik Pulau  
Pulau Pinang

